

21/06/2003

Puteri aspirasi, penggilap Melayu muda

Fadzlena Jafar

MALAYSIA ditubuhkan hasil keringat dan pengorbanan pemimpin Melayu yang ingin melihat rakyat diperintah oleh bangsa sendiri. Bukan kecil pengorbanan yang dilakukan. Segala jerih perih mereka itulah yang akhirnya menjadikan Malaysia sebuah negara merdeka yang berdaulat dan aman makmur.

Untuk memastikan Malaysia terus menjadi sebuah negara yang merdeka, generasi muda yang bakal mewarisi kepemimpinan negara kelak seharusnya menghayati sejarah perjuangan tokoh pemimpin yang banyak berkorban bagi melihat generasi mendatang dilahirkan dalam negara yang diperintah bangsa sendiri.

Namun, dapatkah generasi muda yang dilahirkan dalam keadaan yang selesa dan hidup senang-lenang memahami pahit-manung perjuangan itu? Tanpa bimbingan, bagaimanakah generasi muda hari ini yang bakal menggantikan pemimpin sedia ada dapat mempertahankan perjuangan parti dan bangsa.

Tidak hairanlah Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia (PPUM), Azalina Othman Said, dalam ucapan dasarnya sempena perhimpunan pergerakan itu pada Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini, berkata, adalah menjadi tanggungjawab generasi muda tanpa mengira latar belakang untuk menghayati perjuangan bangsa bagi membolehkan mereka menjadi pelapis kepada pemimpin sedia ada.

"Tidak bermakna jika kita berpendidikan tinggi, berpelajaran, menjadi seorang profesional, pandai menulis dan membaca bererti kita tahu segala-galanya mengenai ilmu politik.

"Dalam pertubuhan politik pengalaman serta kefahaman adalah teras kepada apa yang diperjuangkan. Oleh demikian, adalah menjadi salah satu daripada tanggungjawab kita mengetahui sejarah perjuangan bangsa," katanya.

Selain memastikan kepemimpinan Wanita Umno hari ini mempunyai pengganti satu hari kelak, tidak keterlaluan jika dikatakan penubuhan Puteri Umno adalah bagi memastikan generasi muda hari ini bersedia mengharungi cabaran tatacara dunia baru (new world order) dalam membentuk negara yang cemerlang.

Mungkin itulah agenda tersembunyi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau menubuhkan Pergerakan Puteri Umno. Ramai yang melihat kehadiran sayap baru Umno itu sekadar satu cubaan untuk menarik generasi muda menyertai parti politik berkenaan bagi membantu kemenangan Umno dalam pilihan raya. Namun, tidak ramai yang melihat secara

halus di sebalik penubuhan Puteri Umno.

Seperti kata Naib Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia, Noraini Ahmad, dalam usul ucapan dasar Azalina, generasi muda yang mewakili sebilangan besar jumlah rakyat Malaysia bertanggungjawab bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Katanya, Puteri Umno yang menjadi aspirasi kepada golongan Melayu muda dalam bidang politik seharusnya dijadikan landasan bagi membantu membina sebuah negara yang mampu bersaing dalam era globalisasi.

"Puteri Umno sebagai satu institusi pendidikan politik wanita muda mampu menjana tenaga politik yang kritis dan konstruktif. Dengan itu kita mesti berikrar memastikan Puteri bukan saja dijadikan tapak semaian bagi mencungkil, menggilap dan menguji ketabahan wanita Melayu muda tetapi juga menjadi pemangkin kepada pembentukan bangsa Melayu yang cemerlang," katanya.

Beliau berkata, kecemerlangan itu boleh dicapai menerusi penguasaan bidang ilmu dan teknologi maklumat, kemantapan ekonomi, pengiktirafan kepakaran tanpa mengira gender, kesejahteraan institusi keluarga serta tidak mengetepikan tanggungjawab sebagai umat Islam yang berhemah mulia lagi progresif.

Bagi memastikan generasi muda khususnya ahli Puteri Umno memahami perjuangan itu, Azalina dalam ucapannya mengarahkan semua ketua Puteri bahagian agar menganjurkan kursus orientasi kepada semua ahli baru.

Seiring dengan itu, beliau berkata, Puteri Umno juga akan mengadakan Perkhemahan Nasionalisme bersiri kepada semua ahli jawatankuasa cawangan dan bahagian mulai Julai ini.

Bagi kebanyakan ahli Puteri, cadangan berkenaan tepat masanya bagi memastikan generasi muda hari ini dapat menghayati sejarah perjuangan bangsa, sekali gus menjadi generasi pemimpin yang mampu membentuk sebuah negara cemerlang bagi mengharungi cabaran masa depan.

Setiausaha Pergerakan Puteri Umno Malaysia, Azlinda Mohd Rashad, berkata penghayatan terhadap sejarah perjuangan bangsa itu secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan kepemimpinan bangsa Melayu.

"Kebanyakan ahli Puteri terdiri daripada wanita muda yang baru hendak berkecimpung dalam bidang politik. Begitu pun kebanyakan mereka belum begitu memahami perjuangan parti.

"Jadi, adalah wajar mereka memahami perjuangan itu terlebih dulu kerana dengan menginsafi kepayahan pemimpin Umno dulu dapat memastikan kelangsungan bangsa kelak," katanya.

Bagi Norhamizah Mohd Tahir, kursus orientasi berkenaan dapat menyedarkan ahli Puteri untuk terus berjuang bersama pemimpin sedia ada apabila tiba masanya kelak.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Kebajikan Puteri Umno, berkata dengan memahami perjuangan bangsa barulah generasi muda hari ini lebih bersedia untuk memperjuangkan aspirasi parti.

"Sebenarnya, kita bukan beranggapan generasi muda hari ini tidak memahami perjuangan bangsa. Tetapi kebanyakan mereka belum benar-benar

menghayati apa yang dilakukan datuk nenek kita dulu.

"Justeru, kita adakan kursus berkenaan supaya mereka bukan sekadar menjadi penumpang dalam pergerakan sebaliknya dapat menyumbangkan sesuatu dalam perjuangan parti," katanya.

Ahli Puteri Bahagian Johor Bahru, Norazimah Mohd Najib, berkata generasi muda yang mewakili sebilangan besar daripada penduduk Malaysia adalah pewaris negara yang dicintai ini dan menjadi tanggungjawab mereka bagi merealisasikan Wawasan 2020.

Katanya, hanya dengan menginsafi perjuangan pemimpin Umno dulu, barulah generasi muda hari ini dapat memastikan Umno terus menjadi parti yang relevan.

"Kebanyakan generasi muda hari ini terutama yang menyertai Puteri belum benar-benar memahami perjuangan Umno. Ada yang masuk untuk suka-suka dan ada juga yang ingin menyertai pelbagai kegiatan yang dianjurkan.